

## PERKEMBANGAN PENGAJIAN AL-QUR'ĀN DI JEPUN: SATU TINJAUAN EKSPLORATIF<sup>○</sup>

*(The Development of Qur'ānic Studies in Japan:  
An Exploratory Overview)*

Muhamad Alihanafiah bin Norasid<sup>1</sup>, Ammar bin Mohd Akib<sup>2</sup>,  
Monika@Munirah binti Abd Razzak<sup>3</sup>, Hafizah binti Mohd Nor<sup>4</sup>

### ABSTRACT

This article examines the development of Qur'ān studies, which form the core of Islamic teaching in Japan. Qur'ān education is also viewed as the most effective avenue for spreading the message of da 'wah to Japanese residents. Considering that Islam is a minority religion in Japan, the strengthening of this education is spearheaded by non-governmental Islamic institutions, including da 'wah NGOs, mosque institutions, and Islamic schools. This study uses a qualitative exploratory approach focusing on major Islamic institutions such as the Japan Muslim Association (JMA), the Islamic Centre of Japan, the Japan Da'wah Centre (JDC), and the Hokkaido Islamic Society (HIS), which actively organize Qur'ān studies. The main aspects examined include recitation (tilāwah), interpretation (tafsīr), and reflective study (tadabbur) of the Qur'ān, as well as initiatives to translate tafsīr into Japanese as a means of spreading

---

<sup>○</sup> This article was submitted on: 27/03/2025 and accepted for publication on: 18/11/2025.

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan (Dr.), Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

Emel: [imtiaz\\_alhuffaz@um.edu.my](mailto:imtiaz_alhuffaz@um.edu.my)

<sup>2</sup> Calon pascasiswazah, Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. (Corresponding Author)

Emel: [akibammar@gmail.com](mailto:akibammar@gmail.com)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan (Prof Madya Dr), Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

Emel: [munirahar@um.edu.my](mailto:munirahar@um.edu.my)

<sup>4</sup> Calon doktor falsafah, Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

Emel: [acikpzah@gmail.com](mailto:acikpzah@gmail.com)

Islam. The findings indicate that Qur'an studies play an important role in strengthening the Islamic identity of second-generation Japanese Muslims and creating constructive interfaith dialogue. In addition, the efforts to translate and adapt study materials to the Japanese cultural context are seen as effective steps to bring non-Muslim society closer to the teachings of the Qur'an. The study suggests that Qur'an study programmes should be reinforced through structured training for instructors, development of bilingual study materials, and empowerment of Islamic institutions as authoritative and inclusive centers of da'wah and Islamic education.

**Keywords:** *Institutions, Da'wah, Community, Qur'an, Japan.*

## ABSTRAK

Artikel ini meneliti perkembangan pengajian al-Qur'an yang merupakan teras pengajaran Islam di Jepun. Pengajian al-Quran juga dilihat sebagai wahana terbaik dalam penyebaran mesej dakwah kepada warga Jepun. Memandangkan Islam merupakan agama minoriti di Jepun, usaha pemerkasaan pengajian ini dipelopori institusi Islam bukan kerajaan, antaranya NGO organisasi dakwah, institusi masjid, dan sekolah Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan eksploratif kualitatif dengan menfokuskan kepada institusi-institusi Islam utama seperti Japan Muslim Association (JMA), Islamic Centre of Japan, Japan Da'wah Centre (JDC), dan Hokkaido Islamic Society (HIS) yang secara aktif menganjurkan pengajian al-Qur'an. Aspek utama yang diteliti meliputi tilawah, tafsir, dan tadabbur al-Qur'an, serta inisiatif penterjemahan tafsir ke dalam bahasa Jepun sebagai alat penyebaran Islam. Hasil kajian mendapati bahawa pengajian al-Qur'an berperanan penting dalam memperkukuh identiti keislaman generasi kedua Muslim Jepun dan membuka ruang dialog antara agama yang konstruktif. Di samping itu, usaha penterjemahan dan penyesuaian bahan pengajian kepada konteks budaya Jepun dilihat sebagai langkah efektif dalam mendekati masyarakat bukan Islam kepada ajaran al-Qur'an. Kajian ini mencadangkan supaya program pengajian al-Qur'an diperkasa melalui latihan berstruktur kepada pengajar, pembangunan bahan pengajian dwibahasa, dan pemerkasaan institusi Islam sebagai pusat dakwah dan pendidikan Islam yang inklusif dan berwibawa.

**Kata Kunci:** *Institusi, Dakwah, Komuniti, al-Qur'an, Jepun.*

## 1. PENDAHULUAN

Islam merupakan agama minoriti yang paling berkembang pesat di Jepun. Pengaruh Islam di Jepun menampilkan dinamika yang unik dalam konteks sosio-budaya yang tersendiri (Tanada, H., 2017). Pengajian al-Qur'an merupakan teras ajaran Islam dan memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti Muslim di Jepun. Walau bagaimanapun, kajian mengenai pengajian al-Qur'an di Jepun dengan mengambil kira penelitian peranan tokoh, perkembangan karya terjemahan al-Qur'an, serta cabaran dan prospek yang dihadapi oleh institusi-institusi Islam tidak didapati secara meluas. Justeru, artikel ini menganalisis perkembangan pengajian al-Qur'an menerusi aspek perkembangan Islam merangkumi tokoh-tokoh berkaitan, penerbitan, institusi, dan cabaran dan prospek yang dihadapi pada masa kini.

## 2. ULASAN KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan ulasan terhadap kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan perkembangan pengajian al-Qur'an di Jepun melalui perspektif sejarah dan tinjauan eksploratif terhadap pengajian-pengajian yang telah dilaksanakan. Ulasan ini bertujuan mengenal pasti pelaksanaan, serta cabaran yang telah dibincangkan dalam literatur yang sedia ada, sekaligus menyorot jurang kajian yang menjadi asas kepada keperluan kajian ini. Ulasan terhadap kajian lepas dalam membincangkan topik kajian ini memberikan tumpuan terhadap senario perkembangan Islam di Jepun, usaha dakwah, tokoh-tokoh muslim Jepun, dan terjemahan al-Quran dalam Bahasa Jepun.

Berdasarkan penelitian terhadap karya-karya utama berkaitan Islam di Jepun, kajian terdahulu lebih menumpukan kepada perkembangan dakwah sama ada melalui aspek ketokohan seperti kajian Oki (1998) mengenai sumbangan al-Hajj Umar Mitsutaro Yamaoka, mahupun melalui aspek peranan organisasi dakwah sepertimana yang dihuraikan oleh 'Abdullah al-Khalifi (2007), Siddiqi (2014) dan Siti Zulfa Palem Zainol (2019). Pengkajian lebih mendalam oleh Tanada & Amin (2019) aspek pembangunan sosio-budaya komuniti Muslim, melibatkan generasi kedua di Jepun. Perbincangan mengenai Islam di Jepun melalui pengkaryaan *Islamic Culture Society Japan (ICSJ) Abu Bakr Morimoto (1974)* menerusi kupasan penganalisisan terhadap fenomena yang berlaku pengembangan Islam di Jepun melalui penyiaran NHK Broadcasting dengan bertemakan Islam dan kebudayaan Islam.

Penelitian dilakukan oleh Siddiqi (2020) terhadap perkembangan pengajian al-Qur'an di Jepun menfokuskan aspek sejarah, penubuhan organisasi dakwah dan cabaran pendidikan semasa berkaitan aliran perkembangan pendidikan Islam isu diutarakan dalam generasi kedua di negara minoriti Muslim. Dengan kadar populasi imigrasi kian meningkat, Amin (2022) menjelaskan pengamalan dan pembudayaan adat warisan Islam melalui program pengajian dan kegiatan program kemasyarakatan sesama komuniti Indonesia di Jepun. Penelitian terhadap isu ini menimbulkan persepsi negatif warga Jepun terhadap perkembangan imigrasi komuniti Muslim termasuk isu pendidikan sekolah Islam sepertimana kajian HATTORI et al., (2023). Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Krämer, H. M. (2014) berjudul *Pan-Asianism's Religious Undercurrents: The Receptions of Islam and Translation of the Qur'an in Twentieth Century Japan* yang menyentuh aspek penterjemahan al-Qur'an dalam bahasa Jepun pada abad ke-20. Dapatan kajian menunjukkan, terdapat kosa kata al-Qur'an dialih ke Bahasa Jepun mempunyai unsur-unsur agama Kristian dan agama Shinto.

Ulasan kajian lepas memperlihatkan sumbangan dalam berbagai aspek termasuk Islam dan kebudayaan Islam, dakwah di negara minoriti Muslim, generasi kedua di Jepun dan al-Qur'an dan terjemahannya di Jepun. Didapati terdapat kelompongan kajian yang belum disentuh iaitu pengajian al-Quran di Jepun yang diterapkan oleh beberapa institusi dan NGO di Jepun menerusi pendekatan tilawah, tajwid, tahfiz, tafsir, dan tadabbur. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas turut membantu pengkaji mengumpulkan data-data mengenai Islam di Jepun yang secara tidak langsung turut menyentuh elemen pengajian al-Quran secara umum di Jepun. Justeru, pengajian al-Quran di Jepun dipersembahkan dalam artikel ini secara lebih terperinci sebagai satu penemuan eksploratif yang bermanfaat buat pembaca.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian lapangan dengan mengguna pakai kaedah kualitatif melalui kaedah analisis dokumen, temu bual, dan pemerhatian. Pendekatan kualitatif merupakan kajian yang menggalakkan pentafsiran terhadap sesuatu gejala atau fenomena sosial; dengan kata lain kualitatif membina realiti sosial atau memberi makna kepada sesuatu fenomena sosial yang dikaji. Ianya berhubung kait kepada proses yang bersifat interaktif antara subjek kajian dan penyelidik (Abdul Wahab & Abu Bakar, 2016).

Kajian ini juga menggunakan metodologi analisis dokumen dengan mendalami pengkajian sedia ada merangkumi artikel jurnal, buku, dan sebagainya. Menurut Ahmad Sunawari Long, analisis dokumen memerlukan penelitian secara kritis untuk memperluaskan pengalaman ilmiah (Ahmad Sunawari Long, 1965). Analisis terhadap perkembangan institusi Islam di Jepun memerlukan sokongan data primer yang kukuh, khususnya bahan-bahan dokumentasi yang direkodkan oleh organisasi berkaitan bagi menjejaki dan memperincikan maklumat secara sistematik (Babbie, 2008). Manakala kaedah temu bual dilaksanakan secara langsung bagi mendapatkan maklumat perjalanan organisasi terhadap pihak pengurusan, tenaga pengajar dan peserta di institusi Islam terpilih di Jepun (Ahmad Sunawari Long, 1965). Berasaskan metodologi observasi pula, penyelidik turut melibatkan diri dengan subjek yang dikaji untuk memahami dengan jelas penglibatan peserta melalui kelas-kelas yang telah disusun atur oleh institusi dan NGO (Ahmad Sunawari Long, 1965).

Analisis data melalui temu bual dan observasi diproses dan dianalisis menerusi perisian NVivo 14. Abdul Wahab & Abu Bakar (2016) menyatakan bahawa data tersebut dikutip dan dimuat turun ke dalam perisian, ditranskripsikan secara verbatim dan seterusnya dianalisis dan dikenal pasti tema-tema dan sub tema yang telah ditentukan oleh penyelidik (Abdul Wahab & Abu Bakar, 2016). Dalam pengukuhan konseptual, kajian ini berasaskan kepada "*grounded theory*" seperti mana yang dijelaskan oleh Abdul Wahab & Abu Bakar (2016) untuk melahirkan hasil daripada penjaan dan analisis data-data terkumpul.

#### 4. DAPATAN KAJIAN

Perbincangan pada bahagian ini menjurus kepada sejarah perkembangan pengajian al-Quran di Jepun serta peranan institusi Islam dalam memperkasakan pengajian al-Qur'an di Jepun.

##### *4.1 Perkembangan Karya Terjemahan dan Tafsir al-Qur'an di Jepun*

Kedatangan Islam di Jepun dilihat berlangsung melalui hubungan diplomatik dan perdagangan, dan ia menjadi fasa permulaan kedatangan Islam pada di akhir kurun ke-19 hingga Perang Dunia Kedua (al-Samarā'ī & al-Nadwī, 2008). Kemunculan para intelektual Jepun memperlihatkan kajian-kajian mengenai

Islam bermula dengan penerbitan biografi Nabi Muhammad SAW pada tahun 1896 (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978). Keterbatasan penguasaan bahasa Arab dikenal pasti antara faktor utama yang mendorong kebergantungan terhadap sumber sekunder berbahasa Inggeris, khususnya dalam proses terjemahan al-Qur'an yang berasaskan pendekatan alih bahasa, sebagaimana dijelaskan oleh Abu Bakr Morimoto dan Iskandar Chowdhury (1978).

Perkembangan Islam dan pengajian al-Quran ternyata turut bertolak daripada usaha-usaha penterjemahan al-Quran. Di peringkat awal terjemahan al-Quran, terdapat cabaran terjemahan yang memberi implikasi pemahaman yang salah terhadap warga Jepun mengenai Islam yang sebenar, berikutan terjemahan tersebut tidak berlandaskan autoriti Islam yang sah. Didapati bahawa unsur-unsur agama Kristian dan Shinto cuba disadur dalam terjemahan al-Quran berbahasa Jepun tersebut. Kekeliruan yang wujud ini dipercayai berpunca daripada kemunculan gerakan orientalisme yang bertindak melakukan usaha pengintegrasian agama dan budaya dalam landskap sosio-budaya masyarakat Jepun (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978).

Menyorot sejarah perkembangan terjemahan al-Quran, tokoh terawal yang melakukan penterjemahan al-Quran ke dalam Bahasa Jepun ialah Sakamoto Kenichi pada tahun 1920. Usaha penterjemahan ini dihasilkan dalam dua jilid dan dikategorikan dalam koleksi "*The Scriptures of The World*" (Krämer, H. M., 2014). Set terjemahan yang berjudul *Koran* ini mempunyai saiz 22.5 × 15 sm. Jilid pertama mengandungi 419 halaman, manakala jilid kedua mengandungi 428 halaman. Sakamoto Kenichi menjadikan rujukan sumber sekunder termasuklah George Sale (1697-1736), Rev. J. Medows Rodwell (1808-1900) dan Erdwad Henry Palmer (1840-1882) dalam menterjemahkan al-Quran (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978). Nama-nama tersebut merupakan tokoh-tokoh orientalis yang diberikan perhatian oleh Kenichi, lalu terdapat terjemahan al-Quran yang dilakukan oleh mereka dipetik oleh Kenichi dalam usaha menterjemahkan al-Quran ke dalam Bahasa Jepun pula. Sebagai contoh, terjemahan perkataan "Allah" diertikan pada istilah "kami" (神), yang bermaksud dewa dalam agama Shinto. Dalam masa yang sama, aspek sejarah Nabi Muhammad SAW dilihat umpama tokoh wira kepahlawanan agama turut diberi pemaknaan oleh Sakamoto Kenichi, sepertimana yang dinyatakan dalam kajian Abu Bakr Morimoto dan Iskandar Chowdhury (1978).

Selanjutnya, Takahashi, Ariga, Mizu Yama Ju hachi (1938) pula telah menerbitkan terjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Jepun. Terjemahan ini mempunyai saiz 17 × 11 sm, terdiri daripada 114 surah, diikuti 878 muka halaman bercetak (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978). Walau bagaimanapun, terjemahan 114 surah tersebut disempurnakan dari aspek penterjemahan berpaksikan sumber-sumber dalam bahasa Inggeris. Sebagaimana dijelaskan oleh Takahashi, Ariga, dan Mizu Yama Juhachi, usaha terjemahan ini berpaksikan latar gerakan mubaligh, melalui rujukan sumber terjemahan al-Qur'an versi Rev. J. Medows Rodwell (1808–1900) (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978).

Seterusnya, Shumei Okawa (1950) telah menerbitkan Terjemahan al-Qur'an berjudul *Koran* mempunyai saiz 21 × 15 sm mengandungi 863 halaman bercetak dengan ketebalan 4.5 sm. (Okawa, Shumei. *Literary Translation of the Qur'an*. Vol. 1. Tokyo: Shoshishinsui, 2019) (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978). Shumei Okawa menzahirkan Islam bukan sekadar agama, tetapi suatu kekuatan ideologi yang berpotensi menjadi alat strategik dalam menyaingi dominasi Barat dan membentuk solidariti Asia melalui *Pan-Asianisme*. Pandangan ini dizahirkan melalui sokongan beliau terhadap penyelidikan berkaitan dunia Islam, termasuk penerbitan karya seperti *Kaikyō Gairon* (*Introduction to Islam*) serta terjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Jepun yang diterbitkan dengan judul *Koran* (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978).

Toshihiko Izutsu (1957) telah menghasilkan terjemahan al-Qur'an bersaiz 15 × 10.5 sm, mengandungi 952 halaman dan diterbitkan dalam tiga jilid. Usaha penghasilan terjemahan al-Qur'an melalui Toshihiko Izutsu yang menghubungkan tradisi keagamaan, yang dikenali sebagai falsafah Orientalis, memperlihatkan pendekatan silang budaya yang memfokuskan hubungan antara Sufisme dengan amalan kerohanian dalam Zen dan Taoisme (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978). Dalam terjemahan al-Qur'an yang dihasilkannya, Izutsu memilih untuk menggunakan gaya bahasa Jepun kolokial, berbeza daripada gaya sastera klasik yang lazim diadaptasikan menerusi karya-karya beliau terdahulu. Oleh kerana itu, terjemahan al-Qur'an dalam bahasa Jepun yang dilakukan beliau berkonsepkan penyebaran agama, serta menyesuaikan kandungan al-Quran dengan kebudayaan Jepun.

Penterjemahan al-Quran ke Bahasa Jepun di fasa awal menyaksikan usaha ini diterajui oleh tokoh-tokoh bukan muslim. Dalam konteks penterjemahan al-Qur'an, penglibatan golongan bukan Islam dikenal pasti berpotensi menimbulkan penyelewengan tafsiran yang tidak selari dengan disiplin 'Ulūm al-Qur'an (al-Zarqānī, 1995, 88–87). Atas kesedaran itu, pada dekad 60-an, bermulalah satu era baharu di Jepun dengan kemunculan sarjana Muslim Jepun untuk menyebarkan Islam menerusi terjemahan al-Quran dan karya-karya dakwah ke dalam Bahasa Jepun. Al-Hajj Umar Ryoichi Mita merupakan perintis penyebaran Islam dalam kalangan masyarakat Jepun. Perkembangan ini kemudiannya disusuli dengan kemunculan sarjana-sarjana muslim yang lain seperti Abu Bakr Moritomo yang memperkukuh usaha dakwah tersebut melalui penghasilan karya terjemahan, antaranya yang diterbitkan dalam *Islamic Cultural Forum* (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978). Al-Hajj Umar Ryoichi Mita memainkan peranan penting dalam mentashihkan terjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Jepun dan menelusuri pemaknaan al-Qur'an serta menjadikan bahasa Arab sebagai perantara (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978b). Pada usia 70 tahun, beliau mengikuti pengajian bahasa Arab di Bhopal, India, dalam masa yang sama memperkukuh pemahaman terhadap teks al-Qur'an (al-Samarā'ī & al-Nadwī, 2008b). Selanjutnya, terdapat juga penemuan manuskrip terjemahan al-Quran ke dalam Bahasa Jepun telah diterbitkan oleh *Rābiṭah al-Ālam al-Islāmī* pada 10 Jun 1972.

Japan Muslim Association (JMA) pula memainkan peranan dalam penghasilan terjemahan tafsir al-Qur'an berlandaskan *Ittijāh al-Athāriy* yakni susur jalur periwayatan al-Ma'thur (al-'Uthaimīn, 2012). Karya terjemahan al-Qur'an dalam bahasa Jepun di peringkat awal disusun semula sebagai langkah bagi mengelakkan salah faham terhadap Islam sehingga akhirnya melahirkan beberapa versi baharu terjemahan al-Quran berbahasa Jepun yang lebih tepat (*Tarjamah Al-Mukhtaṣar fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm Ilā al-Lughah al-Yābāniyyah, 1443H*). Berikut adalah senarai karya terjemahan al-Qur'an dan karya tafsir ringkas berbahasa Jepun.

- i. At-Tarjamah al-Qur'an Lughatul al-Yabān Mita, R. (1972). Holy Quran: Japanese Arabic Translation and Commentary. In *Japan Muslim Association JMA*.



- ii. Tafsir al-Jalalayn versi bahasa Jepun, 3 jilid Nakata, K., & Kaori, N. (2006). Tafsir al-Jalalayn. In *Japan-Saudi Arabia Society*. Tokyo.
- iii. Tafsir al-Muyassar (Saied Sato, t.t)
- iv. At-Tarjamah al-Mukhtashar fi Tafsir al-Qur'an Karim ila Lughatul al-Yaban (2018)
- v. Qur'an: An Easy Japanese Translation Mizutani, S., & Kyoichiro, S. (2019). Quran: Easy Japanese Translation. In *Kokushokankokai*.

*Japan Muslim Association (JMA)* dibawah pimpinan Al-Hajj Umar Ryoichi Mita telah mencetak 5000 naskah al-Qur'an yang disertakan maksud dalam bahasa Jepun. Usaha ini telah dimulakan oleh Al-Hajj Umar Ryoichi Mita serta dilengkapkan oleh Abu Bakar Moritomo berkaitan ayat-ayat *Muḥkamāt* dan ayat-ayat *Mutashābihāt*. Terdapat penggunaan bahasa Jepun tradisional klasik pada karya terjemahan yang lalu menyebabkan warga Jepun menghadapi kesukaran dalam memahami isi kandungan al-Qur'an. Lalu, karya terjemahan al-Quran semasa ditampilkkan bagi menyelesaikan masalah ini dengan penjelasan lanjut terhadap ayat-ayat suci al-Qur'an yang sukar difahami.

Proses penterjemahan al-Qur'an oleh sarjana Muslim Jepun merupakan usaha berterusan yang memberikan pencerahan lanjut terhadap pemaknaan ayat-ayat al-Qur'an. Kini, inisiatif ini dijayakan lagi dengan penerbitan karya terjemahan al-Quran kontemporari dalam Bahasa Jepun yang dihasilkan oleh Mizutani dan Kyoichiro Sugimoto selama dua tahun, dengan menekankan pendekatan yang mudah difahami dalam menghayati kandungan al-Qur'an. Karya *Easy Japanese Qur'an Translation* (Mizutani & Kyoichiro, 2019) dihasilkan bagi membimbing masyarakat Jepun memahami mesej al-Qur'an, sekali gus berfungsi sebagai medium dakwah yang efektif di Jepun (Kyoichiro Sugimoto, temu bual bersama penyelidik, 20 September 2024).

#### 4.2 Perkembangan Pengajian Al-Qur'an Di Jepun

Selain aktiviti penterjemahan al-Quran ke dalam Bahasa Jepun, terdapat juga pengajian al-Quran yang semakin berkembang dengan begitu unik dalam konteks komuniti muslim dan masyarakat Jepun. Menurut al-Samarā'i & al-Nadwī (2008), dinamika pengajian al-Qur'an dalam konteks masyarakat Jepun

berlaku sejajar dengan pembinaan masjid atau musolla. Kewujudan masjid serta musolla dapat menjadi satu platform terpenting dalam menggalakkan pelaksanaan aktiviti pengimarahannya masjid termasuklah kelas-kelas pengajian al-Qur'an secara tidak langsung, sekali gus memberi impak kepada komuniti muslim di Jepun (al-Samarā'i & al-Nadwī, 2008). Namun, pelaksanaan pengajian al-Qur'an dalam kalangan masyarakat Jepun masih berada pada tahap yang minima (Kyoichiro Sugimoto, temu bual bersama penyelidik, 20 September 2024).

Tahun 1980 pula menyaksikan peningkatan populasi imigrasi komuniti muslim ke Jepun. Peningkatan imigrasi komuniti muslim di Jepun mencetuskan satu momentum ke arah penyebaran Islam secara harmoni di Jepun menerusi penubuhan masjid, musolla, dan pusat Islam bagi melaksanakan kelas berkaitan Islam dan pengajian al-Qur'an. Penghijrahan komuniti muslim ke Jepun berlaku ekoran peristiwa '*Islamic Boom*', dan fenomena '*Oil Shock*' pada tahun 1973. Fenomena ini membawa kepada imigrasi skala besar terdiri daripada tenaga kerja buruh Pakistan, Bangladesh dan Iran. Setelah itu, pada pertengahan dekad 90-an pula, kedatangan komuniti Islam daripada Asia Tenggara pula kian meningkat khususnya dari Malaysia dan Indonesia bagi menjalani latihan industri di Jepun (Okai & Takahashi, 2023). Penghijrahan ini membentuk landskap pengajian al-Qur'an dan dakwah di Jepun yang semakin subur apabila wujudnya interaksi dan silang budaya antara komuniti muslim Asia Tenggara dengan masyarakat Jepun.

Pada kurun ke-20, kesedaran terhadap Islam dalam kalangan masyarakat Jepun semakin meningkat seiring dengan pelbagai inisiatif gerakan dakwah. Antara pertubuhan berpengaruh yang mempelopori nuansa dakwah Islam di Jepun ialah *Japan Islamic Trust (JIT)* yang bermula pada tahun 1999 (Haroon Qureshi, temu bual bersama penyelidik, 30 Disember 2023). Menurut 'Abdullah al-Khalifi (2004), pertubuhan dakwah ini memainkan peranan penting dalam memperkenalkan ajaran Islam melalui program-program pendidikan yang merangkumi pendidikan Islam, pengajaran al-Qur'an dan al-Hadith, serta pendidikan kanak-kanak muslim di Jepun. Peranan *Japan Islamic Trust (JIT)* dalam konteks ini bukan sahaja tertumpu kepada pengenalan ajaran Islam kepada masyarakat umum, tetapi turut memperkukuh asas pendidikan Islam melalui pendekatan berstruktur terhadap pembelajaran al-Qur'an. Usaha ini memperlihatkan kemunculan pengajian al-Qur'an di Jepun yang kemudiannya menjadi asas kepada perkembangan sistematik pengajian tilawah, tajwid, tahfiz

dan tafsir di negara tersebut (Hussam Zaineh, temu bual bersama penyelidik, 16 Jun 2024).

#### 4.3 Peranan Pertubuhan Islam dalam Memperkasakan Pengajian al-Qur'an di Jepun

Perkembangan Islam di Jepun secara umumnya digerakkan oleh badan-badan pertubuhan Islam. Terdapat pertubuhan Islam yang bernaung di bawah kerajaan Jepun seperti Japan Muslim Association (JMA) dan terdapat juga pertubuhan Islam yang berdaftar sebagai badan NGO. Pertubuhan Islam di Jepun semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Jepun walaupun mereka berlainan agama. Pertubuhan Islam di Jepun dapatlah dibahagikan kepada dua iaitu organisasi dakwah dan institusi masjid, musolla, dan sekolah Islam.

##### a) Organisasi Dakwah

Perkembangan organisasi dakwah berorientasikan penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat Jepun diterajui *Japan Muslim Association (JMA)*. Dalam usaha proses Islamisasi di Jepun, *Japan Muslim Association (JMA)* telah melaksanakan penterjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa Jepun dan memperkenalkan biasiswa pengajian Islam bagi melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar. Selain dari menerbitkan bahan-bahan dan buku-buku berkaitan Islam, *Japan Muslim Association (JMA)* menfokuskan aspek penterjemahan bahasa Jepun [i] Terjemahan al-Qur'an, [ii] Terjemahan Hadith Sahih Muslim; mengandungi 3 Jilid, [iii] *Tafsir Jalalayn*; 3 Jilid, [iv] Sirah Nabi Muhammad s.a.w, [v] Kehidupan Para Sahabat RA; Terjemahan Khalifah ar-Rasyidin versi bahasa Jepun, [vi] Asas-Asas Islam; '*Introduction to Islam*', '*Islamic Faith 10 Series*', [vii] Risalah Islam; '*Jurisprudence of Worship*', '*Overview of Islamic Private Law and Public Law (Property Law)*', '*Living the Essence of Islam in Japan*' (al-Samarā'ī & al-Nadwī, 2008).

Terdapat juga *Islamic Centre of Japan* yang melatari pengajian al-Qur'an di Jepun. Pusat ini dilihat telah mendapat penerimaan yang positif dalam kalangan masyarakat Jepun (Yaser Hosny Ali Elewa, temubual bersama penyelidik, 13 Jun 2025). Pendekatan institusi Islam berpaksikan orientasi dakwah seperti *Islamic Centre of Japan* membuktikan bahawa mesej al-Qur'an yang bersifat sejagat '*universal*' diterjemahkan dalam aspek dakwah intelektual. Dengan berteraskan nilai Islam dan al-Qur'an, kebudayaan Islam dan dialog

dapat diintegrasikan dalam budaya masyarakat Jepun, sekali gus menambah minat mereka untuk memahami Islam sebenar. Dakwah berteraskan al-Qur'an di negara minoriti Islam begitu signifikan untuk dilaksanakan. Ini kerana, terdapat masih ramai rakyat Jepun tiada informasi yang sahih berkaitan Islam (Okai & Takahashi, 2023), malah sebahagian mereka juga langsung tidak mengetahui tentang Islam.

Di samping inisiatif yang dijalankan oleh *Islamic Centre of Japan*, kebudayaan Islam turut diperkenalkan di Jepun dengan pendekatan yang progresif seperti penganjuran persidangan Islam dan Kebudayaan Islam di Tokyo dan Kyoto pada tahun 1977 dengan kerjasama *Rabīṭah al-'Ālam al-Islāmī, Universiti Chuo, Tokyo* dan *Islamic Centre of Japan* (Siddiqi, 1977). Simposium yang dianjurkan melalui kerjasama dua syarikat akhbar *Asahi* dan *Mainichi* menzahirkan prinsip undang-undang Islam kepada masyarakat Jepun (M. Samarraï & Hj. Ali @ Mat Zin, 2000). Dialog antara budaya dan agama dioperasikan secara strategik bagi memperkukuh pemahaman masyarakat Jepun dan dunia Islam (Siddiqi, 1977). Ini kerana usaha memperkenalkan Islam dan kebudayaan Islam merupakan langkah awal untuk membuka jalan kerjasama antara Jepun dan negara-negara Islam (Siddiqi, 1977).

Terdapat pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh *Islamic Centre of Japan* bagi memastikan kelancaran dakwah di Jepun termasuklah penerbitan buku bercetak yang bergenre Islam seperti '*Why Fast?*', '*Fasting*', '*Zakat*', '*Hajj*', '*Salaat*', '*Moral Teaching of Islam*', '*Muhammad*', '*Family Life in Islam*', '*Status Women in Islam*', '*Islam in Japan*', '*Prophets and the Finality of Prophethood*', '*Quran & Hadith*', '*The Understanding of Islam*' (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1978). Sumbangan *Islamic Centre of Japan* dalam dakwah dan pendidikan termasuklah pembinaan masjid, musolla dan penubuhan *YUAI Islamic International School* (Erasiah, & Pratama, F. S., 2024).

Japan Da'wah Centre (JDC) pula melaksanakan kelas pengajian IQRA' dalam kalangan '*New Mu'allaf Muslim / Muslimah Shahadah Community Support*' (Japan Da'wah Centre (JDC), 2023) sebagai pendedahan awal bacaan asas yang diajarkan untuk mengenali huruf al-Hija'yyah. Perkongsian Tafsir dan Tadabbur al-Qur'an berasaskan modul celik Tafsir menerusi ayat-ayat perihal ketuhanan, kenabian dan hari akhirat (Zulkarnain Hasan Basri, temu bual bersama penyelidik, 2 Mei 2023) turut disampaikan terhadap komuniti Jepun yang ingin mengenali Islam dengan lebih dekat serta dikongsikan terhadap saudara baharu dalam kalangan masyarakat Jepun. Sementara itu, *Japan Da'wah*

*Foundation (JDF)* pula menyediakan pengajian al-Qur'an di Masjid Shizuoka. Ini termasuk pengajaran al-Qur'an, kajian Islam, dan penganjuran aktiviti keagamaan untuk menyokong komuniti Muslim di Shizuoka (Japan Da'wah Foundation (JDF), 2024).

### b) Masjid, Musolla dan Sekolah Islam

Sekitar tahun 1990, ketiadaan sekolah Islam yang dikendalikan oleh komuniti Muslim di Jepun menjadi cabaran utama dalam pelaksanaan pengajian al-Qur'an. ketika itu, sesi pengajian al-Qur'an hanya dilaksanakan pada hujung minggu sahaja (Siddiqi, 2020). Menurut Kyoichiro Sugimoto, komuniti Muslim minoriti seperti Pakistan dan Bangladesh kini menghantar anak-anak ke sekolah arus perdana Jepun, manakala pengajian al-Qur'an dijalankan secara sampingan di musolla atau masjid berhampiran (Kyoichiro Sugimoto, temubual bersama penyelidik, 20 September 2024). Seiring perkembangan semasa, beberapa musolla di Jepun menganjurkan kelas al-Qur'an untuk kanak-kanak pada setiap hujung minggu serta kelas pendidikan Islam bagi masyarakat umum. Ia merupakan suatu usaha bagi memperkukuh pelaksanaan pengajian al-Qur'an dalam kalangan komuniti muslim di Jepun (Amin, 2019).

Dianggarkan sekitar 85 peratus generasi kedua Muslim di Jepun mengalami krisis identiti keislaman, khususnya dalam kalangan generasi muda yang lahir dan dibesarkan di negara tersebut (Mohamed Shehata, temu bual bersama penyelidik, 16 Jun 2025). Walaupun dibesarkan dalam keluarga berteraskan Islam, mereka terdedah kepada pengaruh norma sekular masyarakat, terutamanya di sekolah (Qureshi, 2021). Dalam pada itu, usaha menangani cabaran ini dilaksanakan melalui penubuhan Sekolah Islam seperti *Islamic Junior High School* dan *Islamic High School* di Tokyo, Sapporo dan Fukuoka sebagai saluran alternatif pendidikan Islam. Keseimbangan antara pendidikan arus perdana dan pendidikan Islam dicapai melalui kerjasama komuniti Muslim minoriti seperti masyarakat Arab, Bangladesh, Pakistan, Indonesia dan Malaysia. Antara sumbangan signifikan bagi menangani kecairan identiti muslim ini ialah penubuhan *Madrasa Ta'lim al-Qur'an* di Sumida, Tokyo, yang diasaskan oleh komuniti Bangladesh (Madrasa Talimul Quran Tokyo, 2025).

Komuniti Muslim seterusnya menubuhkan institusi dan persatuan Islam di Jepun dengan menyediakan fasiliti seperti masjid, musolla dan sekolah Islam bagi melaksanakan aktiviti pengajian al-Qur'an. Kaedah tilawah al-Quran diperkenalkan dengan pembelajaran huruf-huruf *al-Hijā'iyah* melalui metode *Qā'ida al-Nūrāniyya*. Metode ini dipercayai lebih masyhur dalam komuniti muslim di *Hokkaido Islamic Society (HIS) & Sapporo Masjid, Japan Islamic Trust (JIT) & Otsuka Masjid*. *Qā'ida al-Nūrāniyya* diasaskan oleh *Sheikh Nur Muhammad al-Haqqani* (m. 1952), dan mula diperkenalkan di India serta masyhur di serata dunia Islam. Kaedah ini mempunyai sasaran khusus kepada golongan 'Ajam (bukan Arab) untuk mempelajari al-Qur'an. (Muhammad 'Ali Mabrouk Maṭārīd et al., 2022). Selanjutnya, pendekatan metode IQRA' turut digunakan menerusi mekanisme fonik atau bunyi di samping pembacaan secara lisan. Kaedah IQRA' menggunakan modul 6 jilid mengikut tahap kesukaran bacaan yang terdapat di dalam al-Qur'an Rasm 'Uthmani (A.K, B., Moede Gayo, & Nogarsyah, 1987). Penggunaan metode IQRA' dilihat lebih jelas diaplikasikan di *Chiba Islamic Cultural Exchange (CICC)*, Masjid Istiqlal Osaka, *Japan Da'wah Centre (JDC)* dan *Japan Dahwa Foundation (JDF) & Shizouka Masjid*.

Dalam pada itu, Masjid Istiqlal Osaka (MIO) turut melancarkan program Taman Pendidikan al-Qur'an (TPA) yang kini mempunyai dua kategori Pengajian yang diajarkan termasuk Tauhid (Keesaan Tuhan), Pembelajaran al-Qur'an menggunakan Kaedah Tilawati al-Qur'an, Fiqh dan al-Hadith, Aqidah dan Akhlak, Sejarah Islam (Sirah Islam), Kreativiti Islam Rihlah, dan Tadabur Alam (Masjid Istiqlal Osaka, 2023). Di Otsuka (timur Tokyo), *Japan Islamic Trust (JIT)* dan *Otsuka Masjid* mengelola sistem pendidikan Islam yang bermula daripada peringkat kanak-kanak sehingga dewasa. Bermula di Musolla Ikebukuro pada 1999, pihak *Japan Islamic Trust (JIT)* menumpukan kepada kurikulum *Qā'ida al-Nūrāniyya* dalam membina penguasaan bacaan asasi pengenalan huruf-huruf *al-Hijā'iyah* (Japan Islamic Trust (JIT), 2025). Pada peringkat pertengahan, pengaplikasian ilmu tajwid dipelajari dengan memerhati bacaan yang sempurna, di samping diimplementasi menerusi peringkat lanjutan hafalan al-Qur'an terhadap ayat-ayat lazim (Japan Islamic Trust (JIT), 2025). Dari aspek penjadualan, kelas akan dilaksanakan selepas waktu persekolahan serta ditawarkan perkhidmatan kelas secara percuma. Pengoperasian kelas berdasarkan sumbangan dana komuniti Muslim di Jepun. Malah, *Japan Islamic Trust (JIT)*

turut menganjurkan *All Japan Annual Qur'an Recitation and Memorization Competition* secara tahunan (Japan Islamic Trust (JIT), 2025).

Di wilayah Hokkaido, *Hokkaido Islamic Society (HIS)* dan *Sapporo Masjid* pula melaksanakan pengajian al-Qur'an melalui *Masjid Days Program* pada Sabtu atau Ahad berbentuk Tilawah, Tahfiz dan Tafsir untuk golongan kanak-kanak, lelaki dan wanita (Hokkaido Islamic Society, 2023). Kegiatan pembelajaran meliputi berbagai tahap sebagaimana pengajian al-Qur'an yang dilaksanakan melalui kem cuti sekolah pada musim panas dan musim sejuk. Terdapat juga kursus intensif tahfiz al-Quran dikelolakan oleh HIS menerusi program yang dinamakan *Al-Qur'an Rabbani Program* yang berjalan selama 3 bulan. *Al-Quran Rabbani Program* memperkenalkan bacaan huruf-huruf *al-Hijā'yyah* kepada para peserta kursus di samping keperluan menghafal surah-surah pilihan. Walau bagaimanapun, mereka tidak diwajibkan untuk menkhatamkan bacaan dan hafalan 30 Juzuk al-Qur'an.

**Jadual (a)**

*Pengajian al-Qur'an di Beberapa Institusi Terpilih di Jepun*

| Institusi/<br>Pertubuhan                                       | Pengajian al-Qur'an |         |                     | Wilayah dan<br>Sasaran                                   | Mekanisme<br>dan<br>Pendekatan                                                                                                                         |
|----------------------------------------------------------------|---------------------|---------|---------------------|----------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                | Tilawah/<br>Tajwid  | Hafazan | Tafsir/<br>Tadabbur |                                                          |                                                                                                                                                        |
| 1. Japan Dakwah<br>Centre (JDC)<br>Masjid al-<br>Da'wah, Osaka | /                   | x       | /                   | - Osaka<br>- Warga<br>Jepun                              | Program 'New<br>Mu'allaf<br>Muslim /<br>Muslimah<br>Shahadah<br>Community<br>Support,<br>Pendedahan<br>Islam<br>berteraskan<br>Tadabbur al-<br>Qur'an. |
| 2. Hokkaido<br>Islamic Society<br>(HIS)<br>➤ Masjid<br>Sapporo | /                   | /       | /                   | - Hokkaido<br>- Komuniti<br>muslim<br>dan warga<br>Jepun | Memfokuskan<br>usaha dakwah<br>dalam<br>kalangan<br>komuniti<br>muslim serta                                                                           |

|                                                                                                                                                       |   |   |   |                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|---|---|------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Sapporo International Islamic School</li> </ul>                                                              |   |   |   |                                                                                                      | <p>pelaksanaan program al-Qur'an Rabbani, iaitu program pengajian intensif tahfiz selama tiga bulan. Aktiviti dijalankan tiga kali seminggu, termasuk pada hujung minggu dan musim cuti sekolah.</p>                                                                                                                                     |
| <p>3. Japan Islamic Trust</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Masjid Otsuka</li> <li>➤ International Islamia School Otsuka (IISO)</li> </ul> | / | / | / | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tokyo</li> <li>- Komuniti muslim dan warga Jepun</li> </ul> | <p>Usaha dakwah difokuskan kepada generasi kedua muslim yang dikhuatiri semakin hilang identiti keislaman. Pendekatan ini dilaksanakan melalui penubuhan Sekolah Islam Otsuka yang memberi pendedahan awal al-Qur'an kepada kanak-kanak menggunakan metod <i>Qa'ida Nuraniyya</i>, Halaqah Hafazan al-Qur'an, Qur'an <i>Research</i></p> |



|                                                |   |   |   |                                                     |                                                                                                                                                                  |
|------------------------------------------------|---|---|---|-----------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                |   |   |   |                                                     | <i>Conference dan Qur'an Recitation &amp; Memorization Competition.</i>                                                                                          |
| 4. Japan Dahwa Foundation<br>➤ Masjid Shizouka | / | x | / | - Hokkaido<br><br>- Komuniti muslim dan warga Jepun | Pengajian Islam untuk komuniti Muslim dan kelas IQRA' ( <i>Arabic Class</i> ) untuk kanak-kanak. Sasaran meliputi komuniti Muslim dan warga Jepun.               |
| 5. Tokyo Camii & Turkish Culture Center        | / | x | x | - Tokyo<br><br>- Komuniti muslim dan warga Jepun    | Menjalankan dakwah berbentuk intelektual dan diplomasi budaya Islam menerusi program tahunan dengan kerjasama institusi Islam Jepun atau institusi antarabangsa. |
| 6. Osaka Islamic Center<br>➤ Masjid Osaka      | / | x | / | - Osaka<br><br>- Komuniti Muslim dan warga Jepun    | Kelas pengajian al-Qur'an di Masjid Osaka diadakan setiap Sabtu malam Ahad, dihadiri lebih 100 orang daripada komuniti India,                                    |

|                                      |   |   |   |                                                                   |                                                                                                                                                                                                 |
|--------------------------------------|---|---|---|-------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                      |   |   |   |                                                                   | Bangladesh, Pakistan, Arab dan Indonesia, serta disusuli jamuan makan. Kehadiran muslim Jepun sekitar lapan orang. Masjid diurus oleh komuniti muslim berbangsa India.                          |
| 7. NPO Chiba Islamic Cultural Center | / | x | / | - Tokyo (Chiba)<br>- Komuniti Malaysia, Indonesia dan warga Jepun | Pendekatan dakwah dilaksanakan melalui sesi kaunseling keluarga muslim Jepun yang dikendalikan oleh Dr. Haji Sugimoto, serta aktiviti dakwah dan kebudayaan oleh mahasiswa di Universiti Chiba. |
| 8. Masjid Istiqlal, Osaka            | / | x | / | - Osaka<br>- Komuniti Indonesia dan warga Jepun                   | Dakwah melalui Program Taman Pendidikan al-Qur'an (TPA) meliputi pelbagai bidang seperti Tauhid, Tilawah al-Qur'an, Fiqh,                                                                       |

|                        |   |   |   |                                           |                                                                                                                                                                           |
|------------------------|---|---|---|-------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                        |   |   |   |                                           | al-Hadith, Akhlak, Sirah Nabawiyah serta program tadabbur dan aktiviti luar kelas (Rihlah).                                                                               |
| 9. Masjid Annur, Otaru | / | x | / | - Hokkaido (Otaru)<br>- Komuniti Pakistan | Pendidikan al-Qur'an dan tajwid diterapkan menggunakan <i>Qā'ida al-Nūrāniyya</i> . Terdapat juga program pengisian tafsir ringkas 30 juzuk setiap kali di bulan Ramadan. |
| 10. Masjid Ebetsu      | / | / | x | - Hokkaido<br>- Komuniti Pakistan         | Pengajian Tilawah, Tajwid dan Hafazan dilaksanakan setiap kali selepas Solat Isyak dengan menggunakan metode Deoband.                                                     |

### 5. PERBINCANGAN

Menelusuri perkembangan pengajian al-Quran di Jepun, dua elemen penting dapat dilihat sebagai suatu pengaruh yang telah menjalar kepada warga Jepun iaitu usaha penterjemahan al-Quran dan pelaksanaan pengajian tilawah, tajwid, tahfiz, tafsir, dan tadabbur. Usaha penterjemahan al-Quran ke Bahasa Jepun didapati telah bermula sebelum pertengahan kurun ke-20 dan terus berjalan

sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, didapati penterjemahan al-Quran ke Bahasa Jepun dilihat masih di peringkat awal dengan menumpukan huraian ringkas ayat al-Quran ke dalam Bahasa Jepun dan tidak berbentuk tafsiran ayat secara terperinci. Selain itu, terdapat juga satu karya tafsir ringkas berbahasa Arab diterjemahkan ke Bahasa Jepun iaitu *Tafsir Jalalayn*. Selanjutnya, dalam aspek pelaksanaan pengajian al-Quran pula, terdapat organisasi dakwah, masjid atau musolla dan sekolah Islam dijadikan sebagai wahana dalam mengimplementasikan pengajian al-Quran sejajar dengan perkembangan Islam yang kian pesat di Jepun.

Kajian ini menumpukan kepada keberadaan pertubuhan atau institusi Islam utama di tiga wilayah utama Jepun iaitu Tokyo, Osaka, dan Hokkaido. Berdasarkan Jadual (a) di atas, terdapat 2 buah institusi melaksanakan kesemua pendekatan pengajian al-Qur'an secara aktif pada pengajian Tilawah / Tajwid, Tahfiz dan Tafsir dan Tadabbur iaitu institusi Hokkaido Islamic Society (HIS) dan Japan Islamic Trust (JIT). Selanjutnya, terdapat 6 buah institusi mewakili institusi 1, 4, 6, 7, 8 dan 9 melaksanakan pengajian Tilawah / Tajwid dan Tafsir. Manakala, pendekatan pengajian al-Qur'an di institusi ke-10 (Masjid Ebetsu) melaksanakan pengajian Tilawah, Tajwid dan Tahfiz dengan tumpuan pengajaran berasaskan metode Deoband yang diterapkan dalam pengajian tersebut.

Pengajian al-Quran di Jepun dilihat bagitu bervariasi dalam aspek sasaran peserta, serta pendekatan yang digunakan. Tradisi pengajian al-Qur'an di Jepun menunjukkan bahawa perkembangan tersebut dipengaruhi sumbangan komuniti muslim yang datang bermigrasi dari negara Mesir, Indonesia, Bangladesh, Pakistan, India, Turki, dan Malaysia. Terdapat juga buku-buku atau sumber informasi Islam yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Jepun, Inggeris, Arab, Urdu, Turki, dan Indonesia dan kesemua karya ini tersedia melalui laman sesawang atau video-video yang dimuat naik dalam laman maya. Termasuk juga bahan-bahan berkaitan pengajian al-Qur'an, terdapat sebahagian bahan pengajaran dimuatkan dalam internet seperti *Qā'ida al-Nūrāniyya, Learning the Quran* (OSMAN EGİN & HÜSEYİN ÖRESİN, 2022).

Satu perkara yang menjadi cabaran kepada pelaksanaan pengajian al-Qur'an di Jepun ialah, didapati tiada keselarasan sistem kepada satu model khusus di Jepun memandangkan sasaran peserta pengajian al-Quran terdiri daripada pelbagai lapisan bangsa daripada pelbagai negara selain kepada komuniti

Jepun itu sendiri. Lantaran itu, pihak pengurusan mana-mana pertubuhan dakwah di Jepun akan menjayakan pengajian al-Quran selaras dengan sasaran komuniti muslim mereka di Jepun. Hasil kajian juga mendapati bahawa pengajian al-Qur'ān berperanan penting dalam memperkukuh identiti keislaman generasi kedua Muslim Jepun dan membuka ruang dialog antara agama yang konstruktif. Di samping itu, usaha penterjemahan dan penyesuaian bahan pengajian kepada konteks budaya Jepun dilihat sebagai langkah efektif dalam mendekati masyarakat bukan Islam kepada ajaran al-Qur'ān.

## 6. KESIMPULAN

Perkembangan pengajian al-Qur'ān di Jepun khususnya menerusi organisasi dakwah, institusi masjid dan musolla, serta sekolah Islam menunjukkan perkembangannya yang signifikan, namun tidaklah begitu drastik. Pengajian al-Quran tersebut begitu penting dalam memandu masyarakat muslim Jepun dan komuniti migran muslim di Jepun bagi memperkukuh identiti muslim serta bimbingan hidup berpandukan syariat. Secara dasarnya, pengajian al-Quran di Jepun boleh ditinjau dari aspek kewujudan beberapa pertubuhan dan institusi dakwah, penerbitan karya-karya berkaitan al-Quran, serta kemunculan tokoh-tokoh dakwah berbangsa Jepun. Perkembangan pengajian al-Quran di Jepun ini perlu ditingkatkan dengan melahirkan pelajar-pelajar berbangsa Jepun sendiri agar menyambung pengajian ke Timur Tengah atau ke Asia Tenggara bagi menjadi pelapis pendakwah yang mampu menyebarkan Islam serta menerapkan pendidikan al-Quran di Jepun. Kajian ini turut mencadangkan supaya program pengajian al-Qur'ān diperkasa melalui latihan berstruktur kepada pengajar, pembangunan bahan pengajian dan modul pendidikan al-Quran dwibahasa, serta pemerkasaan institusi Islam sebagai pusat dakwah dan pendidikan Islam yang inklusif dan berwibawa.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Malaya atas penyaluran peruntukan penyelidikan menerusi Geran Penyelidikan Khas (GKP) bagi kajian bertajuk, "Pengajian al-Qur'ān al-di Jepun: Kajian Terhadap Pertubuhan Islam Terpilih". Projek penyelidikan ini telah dilaksanakan dalam tempoh setahun bermula 15 Julai 2024 hingga 14 Julai 2025.

## RUJUKAN

- \_\_\_\_\_. (2008). al-Marḥalah al-Thālithah min al- Da'wah al-Islāmiyyah fī al-Yābān. In Ṣāliḥ Maḥdī al-Samarā'ī & S. al-R. al-Nadwī (Eds.), *Islām fī al-Yāban* (pp. 173–182). Mu'assasat 'Ulūm al-Qur'ān.
- \_\_\_\_\_. (2008). al-Marḥalah al-Thālithah min al- Da'wah al-Islāmiyyah fī al-Yābān. In Ṣāliḥ Maḥdī al-Samarā'ī & S. al-R. al-Nadwī (Eds.), *Islām fī al-Yāban* (pp. 226–229). Mu'assasat 'Ulūm al-Qur'ān.
- \_\_\_\_\_. (1978). A Brief History of the Holy Quran Translation into Japanese - Part II | The Development Quran Learning in Japan. In ISLAMIC CULTURE FORUM (Vol. 10, pp. 18–23). ISLAMIC CULTURE SOCIETY JAPAN (ICSJ).
- \_\_\_\_\_. (2008). al-Marḥalah al-Rābi'ah min al-Da'wah al-Islāmiyyah fī al-Yābān" dalam "al-Islām fī al-Yābān. In Ṣāliḥ Maḥdī al-Samarā'ī & S. al-R. al-Nadwī (Eds.), *Islām fī al-Yāban* (pp. 265–267). Mu'assasat 'Ulūm al-Qur'ān.
- \_\_\_\_\_. (2008). al-Natā'ij, wa al-Tawṣiyāt, wa al-Buḥūth al-Mustaqbaliyya wa al-Khātimah. In Ṣāliḥ Maḥdī al-Samarā'ī & S. al-R. al-Nadwī (Eds.), *Islām fī al-Yāban* (p. 323). Mu'assasat 'Ulūm al-Qur'ān.
- 'Abdullah al-Khalifī. (2004). *Al-Da'wah ila Islām fī Yāban Dirassah Waṣfiyyah wa Taqwīmiyyah*. (pp. 143–147). Phd Diss., Da'wah of Multimedia, *al-Imām Mohamed as-Sa'ūd* University, Arab Saudi.
- A.K, B., Moede Gayo, & Nogarsyah. (1987). *Iqra' & Kutub, Metode Tercepat Belajar Membaca dan Menulis Huruf-Huruf al-Qur'an*. Pustaka Ainun.
- Abdul Wahab, H., & Abu Bakar, S. H. (2016). Asas Penyelidikan Lapangan. In H. Abdul Wahab & S. H. Abu Bakar (Eds.), *Kaedah Penyelidikan Kerja Sosial Pengalaman di Lapangan* (pp. 10–11, 36–37). Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Bakr Morimoto, & I. C., & Abdur Rahman Siddiqi. (1976). Islam on Forward March in Japan. In ISLAMIC CULTURE FORUM (Vol. 6, pp. 33–37). ISLAMIC CULTURE SOCIETY JAPAN (ICSJ).
- Abu Bakr Morimoto, & Iskandar Chowdhury. (1975). Introducing a Japanese Muslim — I Haji Umar Mita. In ISLAMIC CULTURE FORUM (Vol. 2, Issue 2, pp. 10–16). ISLAMIC CULTURE SOCIETY JAPAN (ICSJ).

- Abu Bakr Morimoto, & Iskandar Chowdhury. (1978). A Brief History of the Holy Quran Translation into Japanese - Part I | The Development Quran Learning in Japan. In *ISLAMIC CULTURE FORUM* (Vol. 9, pp. 22–26). ISLAMIC CULTURE SOCIETY JAPAN (ICSJ).
- Abu Bakr Moritomo. (1974). Islam in the Broadcasts in Japan. In *ISLAMIC CULTURE FORUM* (Vol. 1, Issue 8, pp. 25–32). ISLAMIC CULTURE SOCIETY JAPAN (ICSJ).
- al-'Uthaimīn, M. ibn Ṣāliḥ. (2012). al-Gharḍ min Ta'allum al-Tafsīr. dalam Muḥammad ibn Ṣāliḥ al-'Uthaimīn (Ed.), *Sharḥ Uṣūl fī Al-Tafsīr al-Matn Wa-al-Sharḥ* (4th ed., pp. 184–185). Mu'asasat Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ al-'Uthaimīn al-Khairiyyat.
- al-Samarā'ī, Ṣāliḥ Maḥdī, & al-Nadwī, S. al-R. (2008). al-Marḥalah al-Ūlá min al-Da'wah al-Islāmiyyah fī al-Yābān: Bidāyāt al-'Alāqāt al-Islāmiyyah al-Yābāniyyah. In Ṣāliḥ Maḥdī al-Samarā'ī & S. al-R. al-Nadwī (Eds.), *Islām fī al-Yābān* (pp. 61–73). Mu'assasat 'Ulūm al-Qur'ān.
- al-Tafsīr al-Muyassar. (t.t.). Sa'ed Sato (Terj.). *Majma' al-Malik Fahd li-Tibā'at al-Muṣṣhaf al-Sharīf*.
- al-Zarqānī, 'Abd al-'Azīm. (1995). *Manāhil al-Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Al-Zarqānī & 'Abd al-'Azīm, Eds.; Vol. 2, pp. 88–87). Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Amin, A. (2019). *FROM MUSHALLA TO MOSQUE: The Formation of South and Southeast Asian Muslim Communities in Japan 1* (Vol. 8).
- Amin, A. (2022). *LIVING AMONG OTHERS: Divergent Religious Practices among Indonesian Muslim Migrants in Japan* 他者のなかで生きるー日本におけるインドネシア出身のイスラム教徒における多様な宗教実践ー.
- Babbie, E. (2008). Paradigms, Theory, and Research. In E. Babbie (Ed.), *The Basics of Social Science Research* (4th ed., pp. 54–60). Thomson Wadsworth.
- Children Quran Class. (2025). Japan Islamic Trust JIT. <https://www.islam.or.jp/en/education/children-quran-class/>
- Education. (2025). Japan Islamic Trust JIT. <https://www.islam.or.jp/en/education/>
- Erasiah, E., & Pratama, F. S. (2024). Islam in Japan: from Confinement to Muslim-Friendly. *Journal of Al-Tamaddun*, 19(2), 97–100.

Haroon Qureshi (Japan Islamic Trust JIT), dalam temu bual dengan penyelidik, 28 & 30 Disember 2023.

HATTORI, M., MATSUMOTO, A., Azmi, M., Am, E., A.S., a de Y., JIANG, K., TAKIGUCHI, S., & MASUTANI, K. (2023). Trends in Studies and the Current State of Muslim Education in Japan. 名古屋大学大学院教育発達科学研究科紀要. 教育科学, 70(1), 115–149. <https://doi.org/10.18999/nueduca.70.1.115>

HIS (Hokkaido Islamic Society). (2023). HOKKAIDO ISLAMIC SOCIETY 2023 ANNUAL PROGRAMS BOOKLET. In *HIS (Hokkaido Islamic Society)*. www.sapporomasjid.com

Hussam Zaineh (Ostuka Islamia International School), dalam temu bual dengan penyelidik, 16 Jun 2024.

Japan Islamic Trust (JIT). (2025). *Children Quran class*. Japan Islamic Trust (JIT). <https://www.islam.or.jp/en/education/children-quran-class/>.

JDC (Japan Da'wah Centre). (2023). Keep the Islamic information to people who embrace Islam Main Focus Japan Da'wah Centre: Japan Da'wah Centre Activities. In *JDC (Japan Da'wah Centre)*.

*Kids Program*. (2024). Japan Dahwa Foundation JDF. <https://muslimjapan.com/kids-program/>.

KRÄMER, H. M. (2014). Pan-Asianism's Religious Undercurrents: The Reception of Islam and Translation of the Qur'an in Twentieth-Century Japan. *The Journal of Asian Studies*, 73(3), 621–622. <http://www.jstor.org/stable/43553338>

Kyoichiro Sugimoto, (Chiba Islamic Cultural Centre CICC), dalam temu bual bersama penyelidik pada 20 September 2024.

Long, A. S. (2022). Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam (5th ed., pp. 62–71, 72–73). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

M. Samarrai, S., & Hj. Ali @ Mat Zin, A. (2000). Sejarah dan Perkembangan Dakwah di Jepun. *Jurnal Usuluddin*, 12(0), 180.

Madrassa Talimul Quran Tokyo. (2025). *Unstoppable in Spreading Islam*. <https://talimulqurantokyo.com/>

Manā' al-Qaṭṭān. (1995). Jam' al-Qur'an wa-Tartīb. dalam *Mabāḥith Fī 'Ulūm al-Qur'an* (pp.123–128). Mu'assasat al-Risālah.

Mita, R. (1972). Holy Quran: Japanese Arabic Translation and Commentary. In *Japan Muslim Association JMA*.

Mizutani, S., & Kyoichiro, S. (2019). Quran: Easy Japanese Translation. In *Kokushokankokai*.



- Mohamed Ismail (Hokkaido Islamic Society HIS), dalam temu bual bersama penyelidik, 21 Ogos 2023.
- Mohamed Shehata, (Sapporo International School, SIS), temu bual bersama penyelidik, 16 Jun 2025.
- Muhammad 'Alī Mabrouk Maṭārīd, Ramaḍān, 'Abd al-Razzāq, al-Ḥamawī al-'Ulabi, & 'Adnān. (2022). Manhaj al-Qā'idah al-Nūrāniyyah fi al-Ta'lim al-Qur'āni bi-Dawlah Qaṭar - Dirāsah Taqwīmiyyah Muqāranah. *Journal of College of Sharia and Islamic Studies*, 40(01), 26–27.
- Nakata, K., & Kaori, N. (2006). Tafsir al-Jalālayn. In *Japan-Saudi Arabia Society*. Tokyo. NPO Chiba Islamic Culture Center. (2025). *About CICC*. NPO Chiba Islamic Culture Center. dicapai pada September 20, 2024.
- Okai, H., & Takahashi, N. (2023). Conflict and coexistence among minorities within minority religions: a case study of Tablighi Jama'at in Japan. *Religion, State and Society*, 51(3), 270.  
<https://doi.org/10.1080/09637494.2023.2222616>
- Oki, H., & Adil Abu Taqiyuddin. (1998). *Umar Mitsutaro Yamaoka (1880-1959): A study of his thought and contributions to da'wah by Hirofumi Oki@ Adil Abu Taqiyuddin*, [the Degree Of Master Of Islamic Revealed Knowledge and Heritage Usul Al-Din and Comparative Religion]. International Islamic University Malaysia.
- Osman Egin, & Hüseyin Öresin. (2022). *Learning the Quran* (1st ed.). Tokyo Camii Institute. [https://institute.tokyocamii.org/wp-content/uploads/2024/09/220312\\_Quran-no-Roudoku-Gakushuu\\_edition01\\_compressed.pdf](https://institute.tokyocamii.org/wp-content/uploads/2024/09/220312_Quran-no-Roudoku-Gakushuu_edition01_compressed.pdf)
- Qureshi, Y. (2021). Second generation Muslims in Japan: their perceived internal conflicts made apparent through interviews. *Keio SFC journal* Vol.21, No.1 (2021.), 154–176.
- Siddiqi, M. A. R. (2014). *DA'WAH IN CONTEMPORARY JAPANESE SOCIETY: A CASE STUDY OF TOKYO MOSQUE* [The degree of Doctor of Philosophy in Usul al-Din and Comparative Religion]. International Islamic University Malaysia.
- Siddiqi, M. A. R. (2020). *Islam Shines in Japan: Perspectives and Prospects* (M. A. R. Siddiqi, Ed.; 2nd ed.). A.S NOORDEEN.
- Siddiqi, M. A. R., Abu Bakr Moritomo, & Iskandar Chowdhury. (1977). A Short Report on Activities of Islamic Centre Japan | Islamic Law Conference in Tokyo. In *ISLAMIC CULTURE FORUM* (Vol. 8, pp. 38–41). ISLAMIC CULTURE SOCIETY JAPAN (ICSJ).

- Siti Zulfa Palem Zainol. (2019). *Penglibatan Kerajaan Turki Dalam Pembinaan Semula Masjid Tokyo di Jepun* [Sarjana Pengajian Islam]. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Tanada, H. (2017, August 25). *Ever Growing Muslim Community In The World And Japan*. Area Study Waseda University.
- Tanada, H., & Amin, Q. (2019). *Young Muslims In Japan: Understanding their views on Islam and Japanese Society from a Questionnaire Survey*. Waseda University.
- Tarjamah al-Mukhtaṣar fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm ilá al-Lughah al-Yābāniyyah*. (1443). (pp. 3–4). al-Lajnah al-'Ilmiyyah bi-Dār al-Mukhtaṣarah.
- TPA Hikari Tahfidz*. (2023). Masjid Istiqlal Osaka Japan. <https://masjidistiqlallosaka.com/tpa-mio/>
- Yaser Hosny Ali Elewa, (Hokkaido University Islamic Cultural Club) dalam temubual bersama penyelidik, 13 Jun 2025.
- Zulkarnain Hasan Basri (Japan Da'wah Centre JDC), dalam temu bual bersama penyelidik, 2 Mei 2023.